319	Kan Tian Siong	Kuala Selangor	Sg. Burong	

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>NAMA PENERIMA</b>	<b>DAERAH</b>	<b>DUN</b>
320	2017	Yap Lai Yu	Kuala Selangor	Sg. Burong
321		Norhizam Bin Sarif	Kuala Selangor	Permatang
322		Ahmad Bin Nusi	Kuala Selangor	Permatang
323		Johari Bin Adam	Kuala Selangor	Sg. Burong
324		Jamil Bin Jantan	Kuala Selangor	Permatang
325		Rasidee Bin Mohd Hashim	Kuala Selangor	Permatang
326		Sharan Bin Mohd Salleh	Kuala Selangor	Permatang
327		Mohd Yusni Bin Hasnin	Kuala Selangor	Bukit Melawati
328		Mohd Faizul B Mohd Hassan	Kuala Selangor	Bukit Melawati
329		Mohammad Haiqal Ahmad Alias	Kuala Selangor	Bukit Melawati
330		Mohd Ishak B Mohd Saien	Kuala Selangor	Bukit Melawati
331		Mohd Haseri B Hashim	Kuala Selangor	Bukit Melawati
332		Aziz B Alzahari	Kuala Selangor	Bukit Melawati
333		Mohd Toha B Mohd Amin	Kuala Selangor	Bukit Melawati
334		Sulian B Abd Malek	Kuala Selangor	Bukit Melawati
335		Mohamed Azis Othman	Kuala Selangor	Bukit Melawati
336		Mohd Nazarudin B Harun	Kuala Selangor	Bukit Melawati
337		Mohamed Kamarul Amran B Harun	Kuala Selangor	Bukit Melawati
338		Mohd Nazri B Harun	Kuala Selangor	Bukit Melawati
339		Rahimi B Wahab	Kuala Selangor	Bukit Melawati
340		Muhamad Bin Idrus	Kuala Selangor	Sg. Burong
341		Zamzaidi B Masri	Kuala Selangor	Sg. Burong
342		Hamizan Bin Darus	Kuala Selangor	Sg. Burong
343		Ahmad Bin Jantan	Kuala Selangor	Sg. Burong
344		Mohd Busrah Bin Samion	Kuala Selangor	Sg. Burong
345		Hussin Bin Saari	Kuala Selangor	Sg. Burong
346		Khoh Seng Guan	Kuala Selangor	Sg. Burong
347		Tiew Kim Lian	Kuala Selangor	Sg. Burong
348		Chia See Kau	Kuala Selangor	Sg. Burong
349		Chia Kau Kia	Kuala Selangor	Sg. Burong
350		Chia Thiam Kee	Kuala Selangor	Sg. Burong
351		Ramli Bin Tam	Kuala Selangor	Sg. Burong
352		Ali Amran Bin Abd Aziz	Kuala Selangor	Sg. Burong
353		Yasir Bin Mohammed	Kuala Selangor	Permatang
354		Samsidi Bin Sumairi	Kuala Selangor	Permatang
355		Misrah Bin Sarpin	Kuala Selangor	Permatang
356		Izrian Hadi Bin Tumin	Kuala Selangor	Permatang
357	Mohd Khalil Bin Gahlan	Kuala Selangor	Permatang	

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>NAMA PENERIMA</b>	<b>DAERAH</b>	<b>DUN</b>
358	2017	Khairil Adha Bin Tumin	Kuala Selangor	Permatang
359		Zulkefli Bin Kamar	Kuala Selangor	Permatang
360		Nurhisyam Bin Zainudin	Kuala Selangor	Permatang
361		Kamarulnizam Bin Shafie	Kuala Selangor	Permatang
362		Amir Bin Sumairi	Kuala Selangor	Permatang
363		Samat Bin Amzah	Kuala Selangor	Permatang
364		Muhamad Hairul Azuan Bin Rahim	Kuala Selangor	Permatang
365		Mohd Zull Bin Isa	Kuala Selangor	Sg. Burong
366		Zainal Bin Ariffin	Kuala Selangor	Sg. Burong
367		Mohd Saat Bin Ab Rahman	Kuala Selangor	Sg. Burong
368		Othman Bin Adnan	Kuala Selangor	Sg. Burong
369		Iskandar Bin Ismail	Kuala Selangor	Sg. Burong
370		Mohamad Roji Bin Isa	Kuala Selangor	Sg. Burong
371		J Roslee Bin Hassan	Kuala Selangor	Sg. Burong
372		Mohamad Basir Bin Ismail	Kuala Selangor	Sg. Burong
373		Mohd Yaakub Bin Rahim	Kuala Selangor	Sg. Burong
374		Mohamad Syukri Bin Mohd Yaakub	Kuala Selangor	Sg. Burong
375		Abdullah Bin Saad	Kuala Selangor	Sg. Burong
376		Marzuki Bin Sirah	Kuala Selangor	Sg. Burong
377		Nizam Bin Hassan	Kuala Selangor	Sg. Burong
378		Mohd Daut Bin Hamid	Kuala Selangor	Sg. Burong
379		Raagawan A/L Jayasankar	Kuala Selangor	Sg. Burong
380		Ranjit A/L Jayasankar	Kuala Selangor	Sg. Burong
381		Jayasankar A/L Annavy	Kuala Selangor	Sg. Burong
382		Saad Bin Husain	Kuala Selangor	Permatang
383		Roslan Bin Harun	Kuala Selangor	Jeram
384		Mohd Ishak Bin Mohd Saien	Kuala Selangor	Jeram
385		Ahmad Nizam Bin Jamaluddin	Kuala Selangor	Permatang
386		Junaidah Binti Sukardi	Kuala Selangor	Permatang
387		Mispam Bin Sadikin	Sabak Bernam	Sg. Besar
388		Muhamad Fikri Bin Mispam	Sabak Bernam	Sg. Besar
389		Rizal Bin Ali	Sabak Bernam	Sg. Besar
390		Kee Lee Hui	Sabak Bernam	Sg. Besar
391		Kee Panang Tee	Sabak Bernam	Sg. Besar
392	Johan Bin Aminuddin	Sabak Bernam	Sg. Besar	
393	Mohd Shafizal Bin Suparni	Sabak Bernam	Sg. Besar	
394	Noor Azlan Hafidz Bin	Sabak Bernam	Sekinchan	

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>NAMA PENERIMA</b>	<b>DAERAH</b>	<b>DUN</b>
		Mohamad Kusri		
395	2017	Selamat Bin Misnat	Sabak Bernam	Sekinchan
396		Pamaji Bin Sadikun	Sabak Bernam	Sekinchan
397		Zainal Uda Bin Ahmad	Sabak Bernam	Sekinchan
398		Kasnnon Bin Ismail	Sabak Bernam	Sekinchan
399		Samadi Bin Rajikon	Sabak Bernam	Sekinchan
400		Shabingin Bin Othman	Sabak Bernam	Sekinchan
401		Abd Rahman Bin Jureme	Sabak Bernam	Sekinchan
402		Mohd Rozali Bin Mohd Amin	Sabak Bernam	Sg. Besar
403		Mohd Amir A/L Akhbar	Sabak Bernam	Sg. Besar
404		Jamaludin Bin Ismail	Sabak Bernam	Sg. Besar
405		Azman Bin Firman	Sabak Bernam	Sg. Besar
406		Omar Bin Mayah	Sabak Bernam	Sg. Besar
407		Aminodin Bin Bosah	Sabak Bernam	Sg. Besar
408		Mohd Saat Bin Hamzah	Sabak Bernam	Sg. Besar
409		Baharuddin Bin Sapari	Sabak Bernam	Sg. Besar
410		Tan Cheng Hui	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
411		Tan Chin Seng	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
412		Tan Chin Meng	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
413		Nasiruddin Bin Sapari	Sabak Bernam	Sekinchan
414		Mohd Shaiful Pazali Bin Suparni	Sabak Bernam	Sg. Besar
415		Amil Bin Misnat	Sabak Bernam	Sekinchan
416		Mohamad Sapiee Bin Udin	Sabak Bernam	Sekinchan
417		Harun Bin Lup	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
418		Mohamad Shahrol Bin Salami	Sabak Bernam	Sekinchan
419		Mohd Nazli Bin Hj.Mesni	Sabak Bernam	Sekinchan
420		Radzwan Bin Basri	Sabak Bernam	Sekinchan
421		Mad Isa Bin Abd Rahman	Sabak Bernam	Sekinchan
422		Mohd Azhar Bin Pia'aie	Sabak Bernam	Sekinchan
423		Nor Azman Bin Salamon	Sabak Bernam	Sekinchan
424		Ahmad Bin Abd. Rahman	Sabak Bernam	Sekinchan
425		Musri Bin Juraimi	Sabak Bernam	Sekinchan
426	Adnan Bin Basri	Sabak Bernam	Sekinchan	
427	Mohd Zaini Bin Omar	Sabak Bernam	Sekinchan	
428	Ahmad Bin Tok Kecil	Sabak Bernam	Sekinchan	
429	Ramli Bin Bidin	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar	
430	Mohd Nordin Bin Ikanan	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar	
431	Kahar Bin Sirong	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar	

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>NAMA PENERIMA</b>	<b>DAERAH</b>	<b>DUN</b>
432	2017	Md Isa Bin Assim	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
433		Nordin Bin Asim	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
434		Mohamad Bahrom Shah Bin Hassan	Sabak Bernam	Sg. Besar
435		Zulkifly Bin Ibrahim	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
436		Mohd Saiful Amri Bin Ikanan	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
437		Bakhtiar Bin Ahmad	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
438		Anuar Bin Idris	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
439		Mat Jakfa Bin Sirong	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
440		Bahauddin Bin Mohd Jamal	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
441		Mohd Fauzi Bin Harun	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
442		Lim Chau Chiat	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
443		Mohd Fadli Bin Rusni	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
445		Mohd Saiful Amri Bin Ikanan	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
446		Mohd Sa'ad Bin Omar	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
447		Mohd Maksom Bin Ramli	Sabak Bernam	Sekinchan
448		Abdul Rahman Bin Sulaiman	Sabak Bernam	Sekinchan
449		Mohd Sahir Bin Sagimin	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
450		Island Bin Saring	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
451		Surasa Bin Darmo	Sabak Bernam	Sekinchan
452		Arbain Bin Amri	Sabak Bernam	Sekinchan
453	Jamhari Bin Adam	Sabak Bernam	Sekinchan	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : BANTUAN USAHAWAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT)**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berpakah jumlah penerima bantuan usahawan IAT mengikut DUN sejak 2015-2017?
- b) Berapakah kos keseluruhan yang dibelanjakan bagi menjayakan program bantuan ini sejak 2015-2017?
- c) Senaraikan maklumat penerima bantuan ini mengikut DUN sejak 2015-2017.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penerima bantuan usahawan IAT sejak tahun 2015 hingga 2017 adalah seramai 199 usahawan. Pecahan mengikut DUN adalah seperti berikut :-

**PENERIMA BANTUAN IAT TAHUN 2015 HINGGA 2017 MENGIKUT DUN**

BIL.	DUN	TAHUN			DAERAH
		2015	2016	2017	
1	SABAK	4	2		SABAK BERNAM
4	SUNGAI AIR TAWAR	1	3	1	
2	SUNGAI PANJANG	4	2		
3	SEKINCHAN		1	2	
5	SUNGAI BURONG	2	2	2	KUALA SELANGOR
6	PERMATANG	2	3	1	
7	BUKIT MELAWATI		1	1	
9	IJOK	3	1	3	
8	JERAM			1	
10	KOTA ALAM SHAH			1	KELANG
11	SERI MUDA	1		1	
12	SRI ANDALAS		1		
13	SELAT KLANG	2			
14	MERU	1	1	1	
15	SEMENTA	2	2	1	
16	SUNGAI PINANG		1		
17	PELABUHAN KLANG		1	1	
18	BATU TIGA	1	1	1	PETALING
19	SUBANG JAYA	2	2		
20	DAMANSARA UTAMA		1	1	
21	SERI SERDANG	4			
22	SRI KEMBANGAN		1	4	
23	KOTA DAMANSARA	1	1		
24	BUKIT LANJAN	1		1	
25	SEMENYIH			4	HULU LANGAT
26	LEMBAH JAYA	2			



27	BALAKONG	2	2		
28	CEMPAKA	1			
29	KAJANG	7	2	4	
30	DUSUN TUA		2	3	
31	BANGI		1		
32	BATANG KALI	7	7	9	HULU SELANGOR
33	HULU BERNAM	4	2	1	
34	KUALA KUBU			1	
35	DENGKIL	7	6	5	SEPANG
36	SUNGAI PELEK	2	2	1	
37	SIJANGKANG		2	1	KUALA LANGAT
38	TELOK DATOK			2	
39	TANJONG SEPAT	2			
40	MORIB	5	1	5	
41	PAYA JARAS	1		2	GOMBAK
42	TAMAN TEMPLER			1	
43	BATU CAVES		1	4	
44	RAWANG	1	3	2	
45	KUANG	1			
<b>JUMLAH PENERIMA MENGIKUT TAHUN</b>		<b>73</b>	<b>58</b>	<b>68</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA</b>		<b>199</b>			

- b) Jumlah kos yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan usahawan IAT di Negeri Selangor untuk meningkatkan produktiviti dan juga kualiti produk sejak tahun 2015 hingga 2017 adalah sebanyak RM4,007,643.00.
- c) Maklumat penerima adalah seperti di lampiran.

## SENARAI PENERIMA BANTUAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SELANGOR (2015-2017)

BIL	NAMA PENTERNAK	ALAMAT PENTERNAK	DUN	DAERAH
1	ZOLHARMI BIN DIN	Mercu Agro Farm, No.1 Jalan Kolam Air, Kampung Sungai Buaya, 48010 Rawang	Batang Kali	Hulu Selangor
2	SABRAN BIN RAZALI	Desa Maju Sungai Tenggi, 44010 Kuala Kubu bharu	Hulu Bernam	Hulu Selangor
3	SYED RAFIUL BAQHI BIN SYED TAJUL	C-G21, Blok G, Jln. PJU 10/4C, Plaza Suria Shop, Damansara Damai, 47830 Petaling Jaya	Kota Damansara	Petaling Jaya
4	KAMAL ARIFFIN BIN AB. MANAP	Rimba (Kedai) Jln. Lengkuas 16/19, 40200 Shah Alam	Batu Tiga	Petaling Jaya
5	SARJI BIN KARDI	D'Sarji Setia Jaya Enterprise, Lot 11023, Jln. Sg. Limau Lama, Kg. Sg. Limau, 45300 Sg. Besar	Sg. Panjang	Sabak Bernam
6	MOHD OMAR BIN MUSLIM	No.18, Lorong 6, Kpg. Dato' Hormat, 45100 Sg. Ayer Tawar.	Sg. Air Tawar	Sabak Bernam
7	ZULKEFLI BIN MURI	Parit 7 Timur, Jalan Baru, Sungai Panjang	Sg. Panjang	Sabak Bernam
8	NOR AZMAN BIN MOHD NOR	No.19, Jalan 9, Tmn Cempaka Sari, Batu 4, Jln Kapar, 42100 Klang	Sementa	Klang
9	MOHAMMAD HUSSAIN BIN ISMAIL	Lot 211, Kg. Tanjung Mas, Batu 2, Sepang, Sepang	Dengkil	Sepang
10	JAMSARI BIN ALI	Lot 1300, Jln Punai 01, Kg. Bukit Bangkong, 43950 Sg. Pelek	Sg. Pelik	Sepang
11	NORHAYATI BINTI AHMAD	Lot 6425, Jln. Cahaya, kg. Melayu Subang, 40150 Shah Alam	Kota Damansara	Petaling
12	MOHD ASAARI BIN AB RAHMAN	No.47, Jln. Pinggiran USJ 3/5, Taman Pinggiran USJ 3, 43610 Subang Jaya, Petaling	Subang	Petaling
13	NORAZIFAH BINTI MOHAMED NAN	No.67 Jln. Sri Sementa 9, Taman Sri Sementa 42100 Klang	Sementa	Klang

### SENARAI PENERIMA BANTUAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SELANGOR (2015-2017)

BIL	NAMA PENTERNAK	ALAMAT PENTERNAK	DUN	DAERAH
14	ISMAIL BIN DAUD	Lot c, Lot 4782 Jalan Masjid Sultan, Kg. Perigi Nenas, 42920 Pulau Indah, Klang	Pelabuhan Kelang	Klang
15	SEDIK BIN SUDIN	Bandar Tasik Puteri, Rawang Selangor	Rawang	Gombak
16	MOHD SAFRIL BIN MING	Plot B, Taman Agroteknologi Bukit Changgang, 42700 Banting	Dengkil	Kuala Langat
17	HAMZAH BIN HASSAN	No.95 Jalan Harmoni, Taman Harmoni, Morib 42700 Banting	Morib	Kuala Langat
18	SYAZANA BINTI RAZALI	1965 Jalan Anggerik 1, Kg. Tradisi , Sg. Choh	Batang Kali	Hulu Selangor
19	SITI ZABIDAH BINTI GHAZALI	No.28, 4C/3 Taman Kelisa, Ulu Yam	Batang Kali	Hulu Selangor
20	Zainab Binti Mohamed	Lot 4222, No C4, Jalan Merbuk, Batu 9, Kebun Baharu, 42500 Kuala Langat, Selangor	Sijangkang	Kuala Langat
21	Mohd Faiz Bin Abd Halim	No 18 Jalan 10 Taman Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan	Bt. Caves	Gombak
22	Mohd Hanafiah	No 344 B, Jalan Laksamana 2, 68100 Batu Caves, Selangor.	Bt. Caves	Gombak
23	Jumari Bin Ahmad	Batu 11, Jalan Bernam, 45500 Tanjong Karang, Selangor.	Sg. Burong	Kuala Selangor
24	Mamat Rasid Bin Hj Abd Rahman	No 520, Jln Pam Air, Felda Soeharto, 44010 Kuala Kubu Baharu, Selangor	Kuala Kubu Baru	Hulu Selangor
25	Faridah Bt Mohamed Saleh	No.3, Gerai P1b Taman Seri Kamin Hulu Yam, 44300 Batang Kali.	Batang Kali	Hulu Selangor
26	Norezzati Binti Mohd Ali	No.33, Jln Seroja 3a/4, Bukit Sentosa, 48300 Rawang, Selangor.	Batang Kali	Hulu Selangor

**SENARAI PENERIMA BANTUAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SELANGOR (2015-2017)**

<b>BIL</b>	<b>NAMA PENTERNAK</b>	<b>ALAMAT PENTERNAK</b>	<b>DUN</b>	<b>DAERAH</b>
27	Shahiran Effendi Bin Ishak	No. 15 Jln Semarak 2b, Bandar Utama, Batang Kali, 44300 Batang Kali Selangor.	Batang Kali	Hulu Selangor
28	Mior Ahmad Bin Abdul Aziz	Lot 12121, Kampung Rinching Hilir, Jalan Hj Idris, 43000 Kajang, Selangor	Semenyih	Hulu Langat
29	Kamaruzzaman Bin Othman	No. 715a, Kampung Tanjong Mas Batu 2, Sepang.	Sg. Pelik	Sepang
30	Irwan Bin Ahmad	No 13-4b Taman Ria, 45400 Sekinchan, Selangor.	Sekinchan	Sabak Bernam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : NAIKTARAF BUKIT REKREASI**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan prasarana kawasan berpotensi tinggi menjadi kawasan pelancongan dan riadah yang menarik seperti Bukit Broga dan Bukit Saga?

**JAWAPAN:**

- a) Pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan prasarana kawasan berpotensi tinggi menjadi kawasan pelancongan dan riadah yang menarik di Negeri Selangor antaranya seperti:-
- i) Pembangunan Pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra alam dan mesra pelancong.
  - ii) Kemudahan jalan serta akses, tempat parkir dan nilai komersial menggambarkan "*x-factor*" dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
  - iii) Kemudahan awam seperti tandas, surau, papan tanda jalan dan taman permainan.
  - iv) Aktiviti promosi yang giat dijalankan oleh pihak Tourism Selangor bersama-sama organisasi pelancongan yang lain bagi memasarkan produk pelancongan dan kawasan riadah kepada para pelancong.

Antara prasarana yang telah dipertingkatkan di kawasan pelancongan dan riadah di sekitar Negeri Selangor adalah seperti yang berikut:-

- i) Kerja-Kerja Penyediaan Kemudahan Rekreasi dan Pelancongan seperti di Bukit Saga.
- ii) Menaiktaraf rizab jalan dan kerja-kerja pengindahan landskap Bukit Broga.
- iii) Pembangunan Bagi Peningkatan Kemudahan Pelancongan Gua Damai (Fasa 2), Wira Damai, Selayang.
- iv) Kerja-Kerja Menaiktaraf Papan Tanda, Informasi Pelancongan Di Bukit Malawati, Daerah Kuala Selangor
- v) Menaiktaraf Laluan Mendaki Bukit Tabur.
- vi) Menaiktaraf Dan Membina Baru Pagar Dan Pntu Masuk Ke Santuari Sg Chilling.

vii) Membaik Pulih Pintu Gerbang Taman Alam Dan Pintu Gerbang Bukit Malawati Serta Papantanda Informasi Berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : MASALAH BELIA MENGANGGUR**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakah Kerajaan dalam menangani masalah ini dari segi mengawal kebanjiran warga asing yang terlalu ramai dan tindakan dalam mewujudkan peluang pekerjaan atau perniagaan buat belia tempatan? Perlukah Kerajaan menghadkan kuota tertentu untuk pekerja warga asing kepada sesebuah syarikat?

**JAWAPAN:**

- a) Prasyarat penggajian pekerja asing adalah mewajibkan majikan untuk menawarkan kekosongan jawatan tersebut kepada pekerja tempatan terlebih dahulu. Tawaran kekosongan jawatan ini hendaklah dibuat ke Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor melalui pendaftaran dalam portal JobsMalaysia.

Unit Jobs Malaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja Selangor menyediakan platform kepada pencari kerja tempatan mendapatkan pekerjaan berdasarkan permintaan daripada majikan yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja. Jobs Malaysia mengadakan pelbagai aktiviti seperti karnival pekerjaan, temuduga terbuka dan pendaftaran pekerjaan bagi membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan.

Usaha akan dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor untuk menempatkan pekerja tempatan pada kekosongan jawatan yang telah didaftarkan. Sekiranya tiada penempatan pekerja tempatan berjaya diisi untuk kekosongan tersebut, maka majikan tersebut akan disyorkan untuk mengambil pekerja asing berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Walaupun secara dasarnya Kerajaan mengawal kemasukan warga kerja asing ke Selangor, namun begitu khidmat tenaga kerja asing ini masih diperlukan oleh sektor-sektor tertentu bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan.

*(Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : USAHA MEMBANTU IBU TUNGGAL DAN ANAK DARA TUA  
(ANDARTU)**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membantu golongan ibu tunggal dan andartu di Selangor?
- b) Jika ya, minta nyatakan rancangan Kerajaan itu?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor senantiasa menumpukan pelbagai usaha pembangunan kapasiti wanita di setiap peringkat pelaksanaan tanpa menghadkan kepada portfolio Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita sahaja. Semua program dan polisi yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri turut memberi penumpuan kepada penglibatan wanita secara keseluruhan sama ada dalam program-program keusahawanan, pendidikan, kesihatan, pertanian dan sebagainya. Usaha memperkasakan wanita di Selangor diperkukuhkan lagi dengan kewujudan Institut Wanita Berdaya (IWB) yang berperanan merangka polisi dan strategi yang membawa kepada pemberdayaan dan kemajuan wanita demi merealisasikan Negeri Selangor yang inklusif, lestari dan adil. Matlamat utama IWB adalah untuk meningkatkan status sosio-ekonomi wanita di Selangor dan meningkatkan keupayaan wanita dalam kepimpinan dan pembuat keputusan. IWB juga merupakan landasan bagi memenuhi keperluan wanita Selangor secara inklusif termasuk merangka dasar dan mengkaji institusi keluarga serta kanak-kanak. Melalui IWB satu Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017 – 2020 telah berjaya dilancarkan pada 4 Oktober 2017 untuk diadaptasikan oleh wanita Selangor.

Kerajaan Negeri telah menyantuni semua rakyat Selangor tanpa mengira gender termasuklah wanita Selangor dalam meningkatkan sosio-ekonomi mereka secara langsung dan tidak langsung memandangkan Kerajaan Negeri lebih tertumpu kepada kualiti perkhidmatan yang diberi.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEROSAKAN JALAN DI PERSIARAN HAMZAH ALANG MERU**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada perancangan dan statusnya untuk baikpulih atau naik taraf jalan tersebut?
- b) Bagaimanakah perancangan baikpulih jangka pendek dapat dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Jalan tersebut merupakan Jalan Persiaran Hamzah Alang FT3217 yang merupakan jalan persekutuan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Klang. Untuk makluman, Jabatan telah menerima peruntukkan di Jalan Persiaran Hamzah Alang FT 3217, Seksyen 0 sehingga Seksyen 7.0 sahaja. Walau bagaimanapun, Jabatan telah memanjangkan permohonan peruntukan untuk membaik pulih keseluruhan jalan tersebut dan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan segera setelah kelulusan peruntukkan diterima.
- b) Sebagai tindakan reaktif, Jabatan telah mengarahkan pihak Konsesi Kontrak Jangka Panjang Jalan Persekutuan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan/ penampalan, sebagaimana skop kerja yang dipersetujui di dalam kontrak. Jabatan akan sentiasa memantau dari masa ke semasa demi keselamatan dan keselesaan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR DESA DAN DAERAH**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan perpustakaan desa dan daerah sehingga kini?
- b) Berapakah perbelanjaan membina seunit perpustakaan desa yang baru dan bilangan telah dibina sejak 2008? Senaraikan.

**JAWAPAN:**

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor merangkumi 103 pusat perkhidmatan diseluruh Selangor yang terdiri daripada satu (1) Perpustakaan Pusat iaitu Perpustakaan Raja Tun Uda, tujuh (7) perpustakaan daerah, empat (4) perpustakaan cawangan, sepuluh (10) perpustakaan pekan, tujuh puluh dua (72) perpustakaan desa dan sembilan ( 9 ) perpustakaan bergerak.

Peruntukan bagi membina seunit perpustakaan desa baharu adalah **RM450,000.00 seunit. Kerajaan Negeri didalam RMKe 11 (2016-2020) telah memperuntukan RM2,250,000.00** iaitu dengan pecahan bagi membina satu (1) unit perpustakaan baru setiap tahun.

Senarai perpustakaan baru sejak 2008 adalah:

<b>Bil</b>	<b>Perpustakaan</b>	<b>Tahun</b>	<b>Catatan</b>
1.	Perpustakaan Bukit Beruntung, Hulu Selangor	2010	Pangsapuri
2.	Perpustakaan Sri Manja, Petaling Jaya	2010	Lot Kedai 1 tingkat
3.	Perpustakaan Ampang Waterfront, Hulu Langat	2011	Bina Baru
4.	Perpustakaan Sri Perantau, Klang	2011	Flat perumahan
5.	Perpustakaan Pandan Jaya, Hulu Langat	2012	Balairaya
6.	Perpustakaan Kajang Hulu Langat	2013	Lot Kedai 3 tingkat
7.	Perpustakaan Sg Udang, Klang	2014	Bina baru

Dalam Kemajuan			
8.	Perpustakaan Taman Mawar, Ampang	2017	Balairaya
9.	Perpustakaan Kampung Lindungan, Petaling Jaya	2017	Bina baru (kontena)
10.	Perpustakaan Taman Sri Medan Sijangkang.	2017	Bina baru (kontena)

- a) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29, 2011 (pindaan)

Perkhidmatan perpustakaan di Negeri Selangor bermula pada tahun 1971. Sehingga kini terdapat 102 perpustakaan meliputi 1 perpustakaan ibu pejabat, 7 buah Perpustakaan Daerah, 4 Perpustakaan Cawangan, 10 Perpustakaan Pekan, 56 buah Perpustakaan Desa Negeri dan 16 Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia serta 9 unit Perpustakaan Bergerak. Perpustakaan Awam Selangor mempunyai 79 pusat perkhidmatan bagi perpustakaan kategori daerah & desa diseluruh Selangor yang terdiri daripada pecahan perpustakaan mengikut kategori perpustakaan daerah & desa bagi setiap daerah adalah sebagaimana berikut:

Daerah	Perpustakaan Daerah	Perpustakaan Desa	Jumlah
<b>Petaling</b>	-	4	4
<b>Klang</b>	1	4	5
<b>Kuala Langat</b>	1	9	10
<b>Kuala Selangor</b>	1	11	12
<b>Sabak Bernam</b>	1	22	23
<b>Hulu Langat</b>	1	7	8
<b>Hulu Selangor</b>	1	7	8
<b>Gombak</b>	1	2	3
<b>Sepang</b>	-	6	6
<b>Jumlah</b>	7	72	79

Senarai perpustakaan kategori Daerah & Desa mengikut daerah masing-masing adalah seperti berikut:-

<b>PERPUSTAKAAN</b>			
<b>DAERAH PETALING</b>			
<b>DAERAH</b>		<b>DESA</b>	
1	Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam	1	Perpustakaan Desa Kuang
		2	Perpustakaan Desa Kg. Sg. Pelong
		3	Perpustakaan Desa Kubu Gajah
		4	Perpustakaan Desa Kg Lindungan, Petaling Jaya
<b>DAERAH KLANG</b>			
<b>DAERAH</b>		<b>DESA</b>	
1	Perpustakaan Daerah Klang	1	Perpustakaan Komuniti Sri Perantau
		2	Perpustakaan Desa Meru
		3	Perpustakaan Desa Pulau Indah
		4	Perpustakaan Desa Bukit Kapar
<b>DAERAH KUALA LANGAT</b>			
<b>DAERAH</b>		<b>DESA</b>	
1	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	1	Perpustakaan Desa Jenjarom
		2	Perpustakaan Desa Olak Lempit
		3	Perpustakaan Desa Sri Jugra
		4	Perpustakaan Desa Kg Endah
		5	Perpustakaan Desa Sijangkang
		6	Perpustakaan Desa Ladang Batu
		7	Perpustakaan Desa Batu Laut
		8	Perpustakaan Desa Sg Kelambu
		9	Perpustakaan Desa Kg Morib
<b>DAERAH KUALA SELANGOR</b>			
<b>DAERAH</b>		<b>DESA</b>	
1	Perpustakaan Daerah Kuala Selangor	1	Perpustakaan Desa Parit Mahang
		2	Perpustakaan Desa Ijok
		3	Perpustakaan Desa Sg. Gulang-Gulang
		4	Perpustakaan Desa Sri Tiram Jaya
		5	Perpustakaan Desa Bukit Badong
		6	Perpustakaan Desa Jeram
		7	Perpustakaan Desa Assam Jawa
		8	Perpustakaan Desa Puncak Alam
		9	Perpustakaan Desa Estet Tunku Abd Rahman
		10	Perpustakaan Desa Bukit Kerayong
		11	Perpustakaan Desa Sg Sireh

<b>DAERAH SABAK BERNAM</b>			
<b>DAERAH</b>			<b>DESA</b>
1	Perpustakaan Daerah Sabak Bernam	1	Perpustakaan Desa Parit Baru
		2	Perpustakaan Desa Binjai Jaya
		3	Perpustakaan Desa Parit 14
		4	Perpustakaan Desa Parit 8
		5	Perpustakaan Desa Bagan Terap
		6	Perpustakaan Desa Bagan Nakhoda Omar
		7	Perpustakaan Desa Pasir Panjang
		8	Perpustakaan Desa Sg. Air Tawar
		9	Perpustakaan Desa Batu 2, Sepintas
		10	Perpustakaan Desa Kg. Banting
		11	Perpustakaan Desa Sg. Apong
		12	Perpustakaan Desa Tebuk Berihun
		13	Perpustakaan Desa Taman Muhibbah
		14	Perpustakaan Desa Batu 4 Sepintas
		15	Perpustakaan Desa Batu 38
		16	Perpustakaan Desa Simpang Lima
		17	Perpustakaan Desa Tebuk Mufrad
		18	Perpustakaan Desa Tebuk Pulai
		19	Perpustakaan Desa Parit 6
		20	Perpustakaan Desa Kg Parit 11
		21	Perpustakaan Desa Kg Parit 7
		22	Perpustakaan Desa Taman Setia Jaya
<b>DAERAH HULU LANGAT</b>			
<b>DAERAH</b>			<b>DESA</b>
1	Perpustakaan Daerah Hulu Langat	1	Perpustakaan Desa Lembah Jaya
		2	Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat
		3	Perpustakaan Desa Cheras Baru / Taman Mawar
			Perpustakaan Desa Beranang
		4	Perpustakaan Desa Kg. Pandan
		5	Perpustakaan Desa Kg. Melayu Ampang
		6	Perpustakaan Desa Mahkota
<b>DAERAH HULU SELANGOR</b>			
<b>DAERAH</b>			<b>DESA</b>
1	Perpustakaan Syed Mashor	1	Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung
		2	Perpustakaan Desa Sg. Selisih
		3	Perpustakaan Desa Sg. Choh
		4	Perpustakaan Desa Sg. Masin
		5	Perpustakaan Desa Kerling
		6	Perpustakaan Desa Kalumpang
		7	Perpustakaan Desa Kg Serigala

DAERAH GOMBAK			
DAERAH		DESA	
1	Perpustakaan Daerah Gombak	1	Perpustakaan Desa Al-Syakirin
		2	Perpustakaan Desa Kemensah
DAERAH SEPANG			
DAERAH		DESA	
	TIADA	1	Perpustakaan Desa Bukit Bangkong
		2	Perpustakaan Desa Kg. Sg. Merab
		3	Perpustakaan Desa Jenderam Hilir
		4	Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali
		5	Perpustakaan Desa Bagan Lalang
		6	Perpustakaan Desa Hulu Chuchoh

- b) Berikut adalah spesifikasi standard keluasan bagi kategori perpustakaan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia:

BIL	JENIS PERPUSTAKAAN	CADANGAN KELUASAN	
		MPS	KPS
1.	Perpustakaan Negeri	11,152	120,000
2.	Perpustakaan Daerah	5,576	60,000
3.	Perpustakaan Cawangan	2,137	23,000
4.	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan)	1,394	15,000
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai)	139-465	1,500 – 5,000
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah)	112-139	1,204 -1,500
5.	Perpustakaan Desa A	139	1,500
	Perpustakaan Desa B	121	1,300
	Perpustakaan Desa C	93	1,000

Sumber Rujukan: *Garis Panduan Standard Ruang Lantai Perpustakaan Awam Tahun 2015* oleh Perpustakaan Negara Malaysia

### Perkhidmatan yang akan disediakan di Perpustakaan meliputi:

#### 1. Koleksi Am

Koleksi buku-buku bacaan yang terkini bagi keperluan semua golongan pembaca meliputi golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa.

## **2. Rujukan Dan Penyelidikan**

Koleksi buku-buku rujukan, ilmiah yang terkini meliputi juga koleksi CD dan jurnal serta langganan pengkalan data yang bersesuaian untuk penyelidikan

## **3. Internet dan Multimedia**

Disediakan juga kemudahan komputer dan wifi bagi melayari internet secara percuma

## **4. Perkhidmatan Kanak-kanak**

Disediakan pelbagai buku dan multimedia bagi merangsang pendidikan kanak-kanak yang berupa zon kreatif dan *edutainment* (iaitu gabungan *education* dan *entertainment*).

## **5. Koleksi Khas; Industri Penerbangan**

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai lapangan terbang yang diantara terhebat di dunia iaitu KLIA dan KLIA2 maka Perpustakaan Cawangan Sepang ini akan menghimpunkan koleksi-koleksi spesifik berkaitan industri penerbangan dan aeroangkasa.

## **6. Koleksi Khas; warga emas**

Koleksi untuk warga emas dan pesara juga akan diberi tumpuan bagi mengekalkan golongan ini menjadi sahabat perpustakaan dan menjadi tempat yang dapat memberikan manfaat kepada mereka untuk tujuan menghabiskan waktu terluang juga menambahkan ilmu keagamaan.

## **7. Koleksi Khas Untuk Kolej, IPTA dan IPTS**

Disediakan juga koleksi bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan bagi pelajar kolej dan IPTA serta IPTS yang berhampiran.

## **8. Pusat Siber Rakyat**

Sebuah bilik khas yang dilengkapi dengan computer dan multimedia bagi program dan bengkel kemahiran IT dikalangan pengguna.

## **9. Bilik Seminar dan bilik perbincangan**

Bilik seminar dan bilik perbincangan adalah untuk kemudahan masyarakat mengadakan program dan aktiviti diperpustakaan.

## **10. Ruang Pertemuan (*meeting area*)**

Disediakan ruang santai bagi membolehkan pengguna membuat pertemuan dan perbincangan perbagai bentuk tugas dan penyelidikan.

**11. Surau**

Sebagai kemudahan kepada pengguna beragama Islam, disediakan surau wanita dan lelaki.

**12. Kafetaria**

Disediakan juga kafetaria sebagai satu kemudahan kepada pengunjung perpustakaan untuk berada diperpustakaan seharian

**13. Fasiliti Untuk Keibubapaan (*parenting*)**

Perpustakaan Cawangan Sepang ini juga akan menyediakan ruangan khas bagi kemudahan ibu dan bayi (*nursing room*).

**14. Fasiliti Untuk Orang Kurang Upaya**

Fasiliti dalam pelbagai aspek juga akan melihat kepada keperluan golongan OKU dan perpustakaan akan menjadi mesra pengguna kepada golongan istimewa ini.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAWALAN PENCEGAHAN PENYAKIT BERJANGKIT KE ATAS  
PENYEDIA, PENJAJA DAN PREMIS MAKANAN BERLESEN DAN  
TIDAK BERLESEN OLEH MPK DI DUN MERU**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa kali kekerapan pemeriksaan dilaksanakan? Senaraikan.
- b) Apakah statistik kes kesalahan dan tindakan?
- c) Adakah rekod kes kesalahan penyedia makanan melibatkan warga asing? Senaraikan.

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang telah menjalankan pemeriksaan premis di kawasan DUN Meru sebanyak **86 buah premis** dari bulan Januari hingga September bagi tujuan penggredan premis makanan. Kekerapan pemeriksaan dijalankan berdasarkan kepada Gred yang diperolehi bagi setiap premis makanan seperti berikut:-

<b>Gred Premis</b>	<b>Kekerapan Pemeriksaan</b>
Gred A	Setahun sekali
Gred B	2 Kali setahun
Gred C	3 Kali setahun

- b) Majlis Perbandaran Klang telah mengeluarkan sebanyak **65 kompaun** kepada premis makanan di kawasan DUN Meru. Berikut merupakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh premis makanan:-
  - i. Tidak memasang perangkap minyak;
  - ii. Tidak mendapatkan imunisasi demam kepialu bagi pengendali makanan;
  - iii. Keadaan kebersihan di tempat penyediaan makanan (dapur) kotor; dan
  - iv. Pengendali makanan tidak memakai topi, apron, kasut.
- c) Tiada kes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAWASAN HOT SPOT LONGGOKAN SAMPAH HARAM DUN MERU**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan dikenalpasti dan telah dapat dipulihkan?
- b) Dimanakah kawasan yang masih aktif dan gagal dipulihkan?
- c) Berapakah tangkapan dan sitaan kenderaan mengikut lokasi telah direkodkan? Senaraikan.

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan *hotspot* longgokan sampah haram yang dikenalpasti di kawasan DUN Meru adalah sebanyak 3 *spot*. Lokasi tersebut adalah seperti berikut:-
  - i. Jalan Pasar Malam
  - ii. Jalan Paip
  - iii. Jalan Dahlia

Kawasan ini telah dibuat pembersihan dan pemantauan penguatkuasaan telah dibuat untuk mengatasi masalah pembuangan sampah haram berulang lagi di lokasi tersebut. Jalan Paip dan Jalan Dahlia telah dapat dipulihkan sepenuhnya walaubagaimanapun pihak Majlis akan sentiasa memantau kawasan ini.

- b) Sepanjang Jalan Pasar Malam terdapat 4 *spot* sampah haram, daripada 4 *spot* berkenaan hanya 1 *spot* dapat dikawal dan dipulihkan manakala 3 *spot* lagi masih terjadi pembuangan sampah haram.
- c) Sepanjang tahun 2017 sebanyak 5 sitaan kenderaan yang membuang sampah secara haram telah berjaya dibuat di kawasan DUN Meru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAWALAN PEMBIAKAN ANJING LIAR DI KAWASAN KEDIAMAN DUN  
MERU**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada kaedah lain selain penangkapan anjing liar?
- b) Adakah telah dijalankan kempen pendidikan kesedaran orang awam mewujudkan persekitaran yang tidak menggalakkan pembiakan anjing liar?
- c) Adakah ada statistik kekerapan bilangan tangkapan berfaktor persekitaran yang bagaimana? Senaraikan mengikut lokasi.

**JAWAPAN:**

- a) Kaedah-kaedah lain yang dijalankan selain penangkapan anjing terbiar yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Klang seperti berikut:-
  - i. Program Pelesenan Anjing Peliharaan
    - Untuk mengawal pemilik memelihara anjing mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Klang dan mematuhi Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MPK) 2007.
  - ii. Program Adopsi Anjing
    - Untuk mengurangkan masalah anjing terbiar di kawasan Majlis Perbandaran Klang dan membantu mengurangkan pembiakan anjing terbiar.
- b) Majlis Perbandaran Klang ada menjalankan kempen-kempen kesedaran orang awam terhadap mewujudkan persekitaran yang tidak menggalakkan pembiakan anjing terbiar seperti:-
  - i. Mengedarkan risalah-risalah yang merangkumi syarat-syarat untuk memelihara anjing di kawasan Majlis Perbandaran Klang, tanggungjawab pemunya anjing, tindakan yang akan diambil jika pemunya anjing ingkar, proses penangkapan anjing dan cara bagaimana untuk mengambil kembali anjing yang telah ditangkap oleh pihak Majlis Perbandaran Klang.

- ii. Sebaran maklumat di dalam media cetak bagi menggalakkan orang awam mengadoptasi anjing sebagai haiwan peliharaan bagi mengurangkan populasi anjing terbiar tanpa mengabaikan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Klang.
  
- c) Tiada sebarang statistik kekerapan bilangan tangkapan mengikut faktor persekitaran. Walau bagaimanapun, statistik bilangan tangkapan mengikut kawasan boleh diperolehi. Sebagai contoh, bilangan tangkapan anjing terbiar di kawasan DUN Meru bermula dari Januari sehingga 17 Oktober 2017 adalah sebanyak **217** tangkapan.

**JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI TAHUN  
2014 – 2017**

TAHUN DAERAH	2014		2015		2016		2017		JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
KLANG	1	1	9	5	-	-	-	-	16
PETALING	-	-	4	3	-	-	1	-	8
KUALA LANGAT	1	-	9	11	-	3	8	12	44
HULU LANGAT	7	3	3	4	1	4	-	-	22
SABAK BERNAM	13	39	-	-	-	5	2	21	80
KUALA SELANGOR	12	22	-	8	-	3	5	10	60
GOMBAK	2	7	5	5	-	2	6	14	41
HULU SELANGOR	-	-	3	7	1	9	1	1	22
SEPANG	12	10	-	-	-	8	-	-	30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>48</b>	<b>82</b>	<b>33</b>	<b>43</b>	<b>2</b>	<b>34</b>	<b>23</b>	<b>58</b>	<b>323</b>

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	106
BP - Baikpulih	217
Jumlah keseluruhan	323

## **PROGRAM BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN**

### **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Program ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan miskin yang tidak mampu untuk menyediakan sendiri tempat berteduh / kediaman yang sempurna dan selesa.

### **2.0 JENIS BANTUAN**

- 2.1 BANTUAN BINA BARU bagi rumah yang daif dan tidak selamat untuk didiami:
- 2.2 BANTUAN BAIK PULIH bagi bahagian rumah yang mengalami kerosakan pada kos tidak melebihi RM20,000.00.

### **3.0 SYARAT – SYARAT AM**

- 3.1 **Bagi Bantuan Bina Baru** : rumah asal / sedang didiami pemohon mesti **dirobohkan keseluruhan** bagi membina baru sebuah rumah baru diatas tapak asal rumah pemohon.
- 3.2 **Bagi Bantuan Baik Pulih** : **Kerosakan asas dan kritikal sahaja** akan dibaik pulih. Sebarang penambahan **struktur baru tidak dibenarkan**. (*Ditentukan oleh Pejabat Daerah berkenaan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor*)

### **4.0 SYARAT – SYARAT KELAYAKAN**

- 4.1 Terbuka kepada **anak kelahiran Selangor** atau pemohon yang bermastautin di negeri Selangor melebihi daripada lima belas (15) tahun. Pemohon-pemohon yang bukan kelahiran Negeri Selangor mestilah dibuktikan telah menduduki kawasan berkenaan tidak kurang daripada lima belas (15) tahun. (*Surat Pengesahan Pemastautin oleh Pejabat Daerah / Penghulu / Ketua Kampung*)
- 4.2 Pendapatan isi rumah pemohon hendaklah **di bawah RM 1,500.00 sebulan** yang merangkumi tanggungan yang tinggal bersama di dalam rumah berkenaan. (*Disertakan penyata pendapatan/pencen yang disahkan oleh Pejabat Daerah / Penghulu / Ketua Kampung*)

## SYARAT – SYARAT BANTUAN RUMAH PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN

---

- 4.3 Umur pemohon adalah di antara **45 tahun hingga 75 tahun** sahaja kecuali Orang Kurang Upaya (OKU).
- 4.4 Hanya ketua keluarga sahaja yang layak memohon dan ketua keluarga mestilah merupakan **ketua keluarga bagi isteri pertama sahaja**.
- 4.5 Pemohon yang **mempunyai tanggungan** sahaja akan dipertimbangkan. Terdapat bukti bahawa rumah berkenaan diduduki pemohon dan tanggungannya.
- 4.6 Hanya satu keluarga sahaja yang layak menerima bantuan rumah.
- 4.7 Pemohon yang memperoleh **Tanah Kurniaan Kerajaan** tidak akan **dipertimbangkan** untuk bantuan rumah.
- 4.8 Rumah yang sedang **dalam pembinaan atau terbengkalai** tidak akan **dipertimbangkan**.
- 4.9 Pemohon yang **menumpang dan menyewa** tidak akan dipertimbangkan.
- 4.10 Keadaan rumah pemohon mestilah daif dan tidak sesuai untuk diduduki.
- 4.11 Rumah pemohon mestilah berada **di kawasan perkampungan tradisi / kampung baru** yang mana rumah tersebut berada di atas **tanah milik sendiri**. Kedudukan tapak mestilah mempunyai / berdekatan dengan punca bekalan air dan elektrik serta bukan kawasan banjir.
- 4.12 **Tanah T.O.L.** (Temporary Occupation License / Lesen Pendudukan Sementara) & **Rezab Kerajaan** tidak akan **dipertimbangkan** untuk bantuan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pegawai Daerah berkenaan.
- 4.13 Pemohon dikehendaki untuk melampirkan **surat kebenaran menduduki / surat kuasa menduduki** daripada tuan / pemilik tanah / waris - waris sekiranya tanah bukan hak milik pemohon. (*Disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah*)
- 4.14 Pemohon yang telah mendapat bantuan baik pulih atau bina baru rumah daripada jabatan / agensi luar adalah tidak layak menerima bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin.

## SYARAT – SYARAT BANTUAN RUMAH PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN

---

- 4.15 Mangsa bencana alam / kebakaran yang membuat permohonan Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin selepas ditimpa musibah adalah tidak layak dipertimbangkan.
- 4.16 Pemohon yang berjaya adalah tertakluk kepada pemulangan Surat **Penerimaan Tawaran Bantuan Rumah dalam tempoh 14 hari** dari tarikh penerimaan surat tersebut.
- 4.17 Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin yang bersidang.

### **Peringatan**

*\* Masalah keluarga & Isu berkaitan hakmilik pemilikan tanah perlu diselesaikan di peringkat pemohon terlebih dahulu.*

### **5 SENARAI SEMAK DOKUMEN**

*\* Sila Rujuk Senarai Semak Di Halaman 11*



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BANTUAN MEMBINA RUMAH KERAJAAN PERIHATIN**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos seunit rumah dan bilangan rumah telah siap dibina sejak 2014?
- b) Apakah faktor-faktor telah dikenalpasti dan ditambah baik kes lewat binaan rumah pemohon yang telah diluluskan? Senaraikan.
- c) Adakah apa-apa pertimbangan khas bagi kes mangsa rumah terbakar untuk mendapat bantuan ini?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Untuk makluman Yang Berhormat Meru, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin dalam memiliki kediaman yang lebih selesa dan sempurna untuk didiami. Daripada tahun 2014 sehingga 2016, kos bagi membina baru sebuah rumah adalah sebanyak RM35,000.00 dan membaikpulih rumah dengan kos maksima sebanyak RM20,000.00 bagi sebuah rumah bergantung kepada kerosakan yang dialami. Senarai penerima Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2014 sehingga kini adalah seperti di LAMPIRAN.

Walau bagaimanapun, dengan kos bahan mentah semakin meningkat tahun demi tahun, ia telah mengakibatkan kelewatan dalam pembinaan rumah-rumah yang telah diluluskan. Antara faktor-faktor yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

- I. Keengganan pihak kontraktor tempatan untuk memasuki tender kerajaan di bawah program ini disebabkan oleh had siling semasa pada ketika itu terlalu rendah iaitu RM35,000.00 bagi seunit rumah yang memberikan margin keuntungan yang tipis kepada pihak kontraktor.
- II. Tawaran sebutharga yang ditawarkan oleh pihak kontraktor adalah melebihi had siling semasa yang telah ditetapkan.

Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan Cadangan Kenaikan Had Siling daripada RM35,000.00 Sebuah Rumah kepada RM50,000.00 Sebuah Rumah Bagi Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin melalui kertas EXCO-MTES No.4/30/2016 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 1/2017 pada 11 Januari 2017. Dengan kenaikan had siling ini, kelewatan pembinaan rumah-rumah yang telah diluluskan dapat diatasi dan disiapkan di dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

- c) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin adalah terbuka kepada semua rakyat di Negeri Selangor dan permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti di Lampiran. Justeru itu, bagi kes-kes kebakaran yang diterima perlu disemak berdasarkan syarat-syarat sedia ada namun lawatan siasatan tapak bersama Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan akan dilaksanakan dengan kadar segera. Dokumen-dokumen berkaitan seperti Borang Permohonan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Laporan Kebakaran Bomba, Laporan Polis perlu dikemukakan untuk dipertimbang dan diluluskan segera oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin.

**JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI TAHUN  
2014 – 2017**

TAHUN DAERAH	2014		2015		2016		2017		JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
KLANG	1	1	9	5	-	-	-	-	16
PETALING	-	-	4	3	-	-	1	-	8
KUALA LANGAT	1	-	9	11	-	3	8	12	44
HULU LANGAT	7	3	3	4	1	4	-	-	22
SABAK BERNAM	13	39	-	-	-	5	2	21	80
KUALA SELANGOR	12	22	-	8	-	3	5	10	60
GOMBAK	2	7	5	5	-	2	6	14	41
HULU SELANGOR	-	-	3	7	1	9	1	1	22
SEPANG	12	10	-	-	-	8	-	-	30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>48</b>	<b>82</b>	<b>33</b>	<b>43</b>	<b>2</b>	<b>34</b>	<b>23</b>	<b>58</b>	<b>323</b>

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	106
BP - Baikpulih	217
Jumlah keseluruhan	323

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAWALAN PENCEGAHAN KEBUN DAN RUMAH TERBIAR KAWASAN  
PERUMAHAN**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peraturan dan kesalahan yang akan dinotiskankan atas pemilik?
- b) Apakah tindakan lanjut jika pemilik tidak membersihkan atau memulih kawasan setelah menerima notis?

**JAWAPAN:**

- a) Tanah bermilik perlu diurus dan diselenggara berdasarkan syarat nyata yang telah dikenakan. Sebarang pelanggaran berbangkit daripada syarat tersebut boleh dikenakan tanggungan untuk pelucuthakan kerana pelanggaran syarat tersebut.

Namun, sebarang tindakan pelanggaran syarat yang akan dikenakan perlu melalui proses penguatkuasaan yang telah ditetapkan berdasarkan Seksyen 127 KTN. Seperti siasatan ke atas tanah atau struktur yang terbiar tersebut telah melanggar syarat nyata yang ditetapkan atau tidak.

- b) Jika siasatan mendapati syarat nyata tanah tidak dipatuhi, tindakan pelanggaran syarat boleh dikenakan di bawah seksyen 127 KTN. Seperti contoh, syarat nyata yang dikenakan merupakan pertanian dan hasil siasatan mendapati tanah tersebut digunakan untuk mendirikan restoren perniagaan. Oleh yang demikian, notis 127, KTN akan dikemukakan bersama tempoh pemulihan tanah kepada pemilik. Kegagalan pemulihan seperti tempoh yang diberi akan melalui proses pelucuthakan tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENGELUARAN LESEN PENJUALAN MINUMAN BERALKOHOL DI  
KEDAI KAWASAN PERUMAHAN**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat pengeluaran lesen?
- b) Berapakah Agensi Kerajaan yang terlibat dalam kelulusan ini?
- c) Bagaimanakah pandangan dan bantahan awam diambil kira sebelum dikeluarkan lesen?

**JAWAPAN:**